

Minda Pengarang

TEON EG



Rasuah bagaikan tiada penawar

SEJAK beberapa bulan ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan aktiviti rasuah bukan hanya unik malah sukar dijangka fikiran orang biasa.

Antaranya, polis dikaitkan dengan sindiket penipuan *Macau Scam*, imigresen dengan penglibatan membuka laluan buat pelacur China dan terkini kastam disifatkan seperti boneka ketika menjaga sempadan.

Kisah-kisah tersebut ada yang menimbulkan rasa sakit hati, gelak ketawa, sinis dan tidak kurang enggan ambil peduli. Mereka yang sakit hati mungkin beranggapan gaji dibayar kepada penguat kuasa terbabit bukan untuk menjaga negara sebaliknya jadi pengkhianat.

Bagi yang ketawa, mungkin menganggap perkara itu sudah 'lumrah' manakala yang tidak peduli agaknya mereka sudah putus asa dengan aktiviti rasuah di negara ini. Bukan hanya penguat kuasa, pemimpin politik pun ramai yang terpalit dengan rasuah.

Rasuah dikaitkan dengan ahli-ahli politik lebih hebat apabila individu berkenaan tidak sedikit pun malu apatah lagi untuk rasa bersalah. Mereka masih mampu mengelilingi negara dan menjaja kisah kononnya dianiaya.

Memang benar undang-undang negara selagi mana mahkamah belum menjatuhkan hukuman, individu berkenaan tidak boleh dikatakan bersalah.

Ada kes-kes rasuah membabitkan modus operandi baharu cuma bezanya cara menerima duit haram dan banyak juga kes-kes seperti kebiasaan cuma bertukar kakitangan yang berada dalam agensi tersebut.

Nilai rasuah yang didedahkan kini bukan sedikit. Semua mencecah jutawan ringgit malah ada juga berbilion sebulan. Mereka yang tidak pernah bermimpi bakal memiliki jumlah wang sebanyak itu, kebingungan memikirkan bagaimana cara penerima menghabiskan harta tersebut.

Jika Covid-19 yang muncul tahun lalu bakal mempunyai vaksin, rasuah seperti tiada penawar. Rasuah seolah-olah tidak akan sembuh malah mungkin semakin sebatu dalam kalangan yang ada ruang dan peluang melakukannya.

Sudah jemu rakyat mendengar, membaca dan melihat pelan kerajaan dan agensi penguat kuasa itu sendiri membuat formula menghapuskan rasuah namun yang pasti tetap tiada perubahan.

Kisah yang dibongkarkan kini mungkin membabitkan kumpulan tidak bernasib baik kerana dipercayai banyak lagi agensi bukan penguat kuasa turut berlaku rasuah.

Justeru, SPRM kena meluaskan risikan agar puak-puak yang menghina integriti dan mensia-siakan amanah rakyat tidak terus seronok kumpul duit haram.

Selain itu, mohon SPRM tidak hanya menghebohkan tangkapan tetapi tiada pendakwaan. Adalah tidak adil kepada mereka yang 'diaibkan' sebelum ini tetapi tidak muncul-muncul di mahkamah untuk menjawab dakwaan terhadap mereka.